

Tanah diceroboh, penduduk risau

Kawasan aktiviti korek pasir tinggal takungan air, risiko tebing runtuh

NORAFIZA MAFFAR

BANDARTASIKPUTERI - Tanah kerajaan di belakang Jalan 3/34 di sini telah diceroboh sejak 2010 namun aktiviti kerja tanah semakin rancak dijalankan tahun lepas sebelum dihentikan Januari lalu.

Dalam tempoh satu tahun kerja tanah itu, tanah yang sebelum dipenuhi pokok hijau kini telah gondol dan terdapat pula takungan air sepanjang kira-kira satu kilometer sejak sebulan lalu.

Wakil penduduk, Romli Bidin, 61 berkata, kira-kira 80 keluarga di sini terdedah kepada bahaya selepas jarak rumahnya dengan tebing projek dipisahkan kurang 20 meter.

Menurutnya, penduduk bimbang jika berlakunya pergerakan tanah atau mendapan terutamanya ketika musim hujan sekiranya tebing di projek tersebut tidak diambil tindakan.

"Masa ternampak aktiviti kerja tanah di lokasi kami telah menghantar surat kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan pihak berkaitan bagi mengetahui maklumat lanjut status projek itu kerana tiada sebarang papan tanda pemakluman dipasang.

"Setiap hari lori keluar masuk bermula jam 7 pagi hingga 7 pe-



Penduduk menunjukkan keadaan tebing yang mencetuskan kebimbangan mereka.

tang untuk mengambil tanah yang dikorek dan terdapat juga kawasan yang ditambak. Selepas surat kedua barulah ada tindakan daripada MPS dan tiada sebarang kerja dilakukan di tapak berkenaan.

"Sebelum ini tanah di tapak projek itu boleh kami lalu untuk ke Kampung Kundang tapi kini sudah menjadi sempadan selepas kawasan menjadi rendah disebabkan aktiviti tersebut," katanya kepada Sinar Harian.

Bergilir awasi tebing

Muhamad Nasri Hamidi, 44, penduduk berharap penguatkuasaan tebing dibuat segera sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan insiden tak ditinggalkan berlaku.

"Sekarang masih berlaku runtutan kecil jika dibiarkan nanti merebak ke kawasan rumah kami pula. Dan ia membahayakan bagi kanak-kanak yang adakala turut menjadikan belakang rumah sebagai laluan sekiranya tergelincir jatuh ke kawasan air yang tak dapat dipastikan kedalamannya.

"Setiap kali hujan penduduk akan bergilir mengawasi bukit di belakang rumah tak kiralah siang atau malam. Itu yang kami lakukan sejak tiga bulan kebelakangan ini.

"Saya pula kerap kerja luar kawasan adakala sampai dua ke tiga hari jadi pastinya risau akan keselamatan isteri dan anak di rumah," katanya.

MPS sudah ambil tindakan susulan

Manakala, Mohd Khairi Azizan, 32 berkata, sejak kawasan itu diteroka penduduk turut terdedah kepada masalah kesihatan termasuk denggi di sebabkan takungan air dan nyamuk.

"Termampak juga kelibat ular sewaktu tinjau lokasi dan ada kes rumah penduduk dimasuki hahwan berbisa itu.

"Jika kawasan itu tak diselenggarakan dan dibiarkan tanpa sebarang kerja pemuliharaan kita bimbang memberikan lebih banyak kesan tidak baik kepada penduduk di sini," katanya.

Sementara itu, Pegawai

Perhubungan Awam MPS, Ahmad Fauzi Ishak berkata, tanah tersebut sah milik kerajaan negeri yang telah diteroka tanpa kebenaran dan telah diambil tindakan penguatkuasaan.

"Perkara itu telah dipanjangkan kepada pihak pejabat tanah untuk tindakan selanjutnya kerana tanah yang diteroka adalah milik kerajaan.

"Sementara kerja penguatkuasaan cerun akan dibawa dalam mesyuarat jawatankuasa infrastruktur untuk keputusan kerana melibatkan anggaran kos pembaikan yang tinggi," katanya.



Keadaan tebing yang boleh runtuh bila-bila masa.

